

12.1.2023

## KENYATAAN MEDIA

oleh **Ir. PATHMANATHAN K**,  
Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP dan PBAHB

## **SITUASI WASPADA BEKALAN AIR PULAU PINANG: SIMPANAN AIR EMPANGAN ADALAH RENDAH, GUNAKAN AIR DENGAN BERHEMAT**

- **Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd (PBAPP) memohon kerjasama dan sokongan rakyat untuk jimat air dan menggunakannya dengan berhemat ketika musim kemarau yang berlaku setiap tahun.**

PULAU PINANG, Khamis, 12.1.2023: Kapasiti efektif tiga empangan utama di Pulau Pinang adalah rendah, berikutan jumlah taburan hujan yang rendah tahun lepas.

Sehingga semalam (11.1.2023), kapasiti efektif Empangan Mengkuang, Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang adalah seperti berikut:

|   | Empangan             | Kapasiti Efektif |
|---|----------------------|------------------|
| 1 | Empangan Air Itam    | 84.7%            |
| 2 | Empanga Teluk Bahang | 64.2%            |
| 3 | Empangan Mengkuang   | 87.2%            |

Perbandingan kapasiti efektif empangan pada 2023 berbanding 3 tahun sebelumnya.

|   | Empangan              | 11.1.2023 | 11.1.2022 | 11.1.2021 | 11.1.2020 |
|---|-----------------------|-----------|-----------|-----------|-----------|
| 1 | Empangan Air Itam     | 84.7%     | 84.1%     | 96.2%     | 62.5%     |
| 2 | Empangan Teluk Bahang | 64.2%     | 86.4%     | 60.0%     | 40.4%     |
| 3 | Empangan Mengkuang    | 87.2%     | 92.8%     | 94.2%     | 73.9%     |

Faktor penyumbang kapasiti efektif empangan yang rendah khususnya di Empangan Teluk Bahang ialah krisis bekalan air di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua dan gangguan air yang memerlukan PBAPP memaksimumkan

pelepasan air mentah dari Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang.

Tahap optimum empangan adalah melebihi 90%.

Ia juga disebabkan hujan rendah di kawasan tadahan air empangan. Dalam tempoh September hingga Disember 2022, jumlah taburan hujan yang direkodkan di Empangan Air Itam ialah 873.5mm.

Manakala, jumlah taburan hujan yang direkodkan di Empangan Mengkuang dalam tempoh September hingga Disember 2022 ialah 1,541mm.

Bagaimanapun, jumlah hujan yang direkodkan di Empangan Teluk Bahang dalam tempoh September hingga Disember 2022 adalah sedikit tinggi iaitu 1,169mm, berbanding 1,058.5mm pada 2021.

Jadual berikut membandingkan jumlah hujan pada September hingga Disember 2022 dengan tempoh yang sama pada 2021, 2020 dan 2019:

| Jadual perbandingan jumlah hujan pada September hingga Disember 2022 berbanding tempoh yang sama pada 2021, 2020 dan 2019: |                       |         |           |         |         |
|--|-----------------------|---------|-----------|---------|---------|
| Empangan   |                       | 2022    | 2021      | 2020    | 2019    |
| 1  | Empangan Mengkuang    | 1,541mm | 2,502mm   | 3,053mm | 3,565mm |
| 1  | Empangan Air Itam     | 873.5mm | 964.5mm   | 967.5mm | 702mm   |
| 2  | Empangan Teluk Bahang | 1,169mm | 1,058.5mm | 1,481mm | 1,732mm |

Untuk rekod, operasi pembenihan awan untuk mencetus hujan ke kawasan empangan dan kawasan tadahan air tidak dijalankan pada 2022 dan adalah kritikal untuk ia dilaksanakan pada 2023.

### **Pelan segera**

Bagi memenuhi permintaan air semasa tempoh perayaan akhir tahun 2022, dan Tahun Baru Cina yang akan datang, PBAPP telah mengoptimumkan pengeluaran air terawat di Loji Rawatan Air Sungai Dua, dan mengepam lebih banyak air terawat ke pulau dan Seberang Perai.

Bagi memenuhi permintaan bekalan air yang berkemungkinan besar meningkat pada musim perayaan dan cuti hujung minggu yang panjang,

PBAPP bersedia untuk melepaskan lebih banyak air daripada Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang sambil memantau rapi paras air empangan untuk sebarang kejadian yang tidak diduga.

PBAPP tidak akan menjadualkan sebarang kerja paip (Gangguan Air Berjadual) sehingga selepas Tahun Baharu Cina supaya pengguna dapat membersihkan kediaman tanpa gangguan dan merayakannya bersama keluarga dan rakan-rakan.

Walau bagaimanapun, harap maklum bahawa ini tidak termasuk kerja-kerja pembaikan paip luar jangka atau kecemasan (Tidak Berjadual) yang perlu dijalankan.

### **Jimat Air, Gunakan dengan Berhemat**

Sila terapkan amalan berikut dengan segera untuk mengurangkan penggunaan air:

1. Elakkan penggunaan hos untuk membersihkan rumah anda atau mencuci kenderaan anda. Gunakan penyapu dan mop untuk membersihkan rumah anda. Kurangkan kekerapan mencuci kereta atau motosikal, dan gunakan baldi dan span apabila anda berbuat demikian.
2. Elak menggunakan hos untuk menyiram kebun atau pokok-pokok anda setiap hari. Sebaliknya, gunakan penyiram.
3. Jangan biarkan air paip mengalir. Tutup semua paip selepas digunakan dan didik anak anda untuk mencontohinya.
4. Baiki semua pili, paip atau sistem tandas yang bocor di kediaman anda segera.

Selain itu, PBAPP menggesa semua pengguna domestik memastikan rumah dan premis mereka dilengkapi tangki simpanan sehari untuk kegunaan semasa kecemasan. Bagi pengguna air bukan domestik, tangki simpanan untuk kegunaan 48 jam perlu dipasang di premis mereka. Ini bagi mematuhi Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 dan Garis Panduan Teknikal Seragam SPAN (SPAN UTG).



Untuk tip-tip jimat air, sila lawati [www.pba.com.my](http://www.pba.com.my)..

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)